

Bajet: Khazanah mahu terlibat, bantu B40

Oleh FADZIL ZAINOL
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 26 SEPT.

PROGRAM pembangunan ekonomi termasuk untuk kumpulan 40 peratus isi rumah berpendapatan terendah (B40) perlu dijadikan tumpuan dalam Bajet 2017 dan Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah) mahu syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) di bawahnya terlibat dalam usaha tersebut.

Pengarah Urusan Khazanah, Tan Sri Azman Mokhtar berkata, usaha-usaha pembangunan dan perlindungan ekonomi itu bagaimanapun perlu diseimbangkan dengan perbelanjaan fiskal yang bertanggungjawab.

Katanya, Khazanah sebagai sebuah institusi telah memberi pandangannya kepada kerajaan terhadap bajet kali ini dan percaya Bajet 2017 akan terus mem-



Syarikat kami khususnya di dalam sektor baharu seperti telekomunikasi, industri kreatif dan pembangunan hartanah bersepadu seperti Iskandar Malaysia akan memberi kerjasama yang baik untuk membantu kerajaan."

AZMAN MOKHTAR
Pengarah Urusan Khazanah

berikan penekanan terhadap usaha-usaha pembangunan.

"Syarikat kami khususnya di dalam sektor baharu seperti telekomunikasi, industri kreatif dan pembangunan hartanah bersepadu seperti Iskandar Malaysia akan memberi kerjasama yang

baik untuk membantu kerajaan.

"Pembangunan sosial akan terus dijadikan keutamaan, tetapi perlu mengutamakan perbelanjaan yang bertanggungjawab. Persekitaran ekonomi global ketika ini sedikit mencabar, tetapi Malaysia masih

mempunyai kekuatan untuk berdepan perkara ini, termasuk kelebihan dari segi kedudukan geografi," katanya kepada pemberita selepas majlis pembukaan Forum Khazanah Megatrends 2016 di sini hari ini.

Khazanah adalah dana pelaburan strategik yang diamanahkan untuk menguruskan aset-aset komersial milik kerajaan dari melaksanakan pelaburan-pelaburan strategik.

Antara syarikat tersenarai utama di bawah portfolio pelaburan Khazanah adalah Telekom Malaysia Bhd., Tenaga Nasional Bhd., CIMB Group, Axiata Group Bhd., IHH Healthcare Bhd., Malaysia Airports Holdings Bhd. dan UEM Sunrise.

Menyentuh mengenai forum anjuran Khazanah itu, Azman berkata, persidangan itu disertai lebih 40 pemimpin pertubuhan sosial atau korporat untuk membincangkan idea termasuk meng-

huraikan kelebihan Malaysia dari segi kedudukan geografi dan sumber alam yang boleh digunakan untuk merancakkan ekonomi negara.

Dalam pada itu, Pengerusi CIMB Group, Datuk Seri Nazir Tun Razak yang turut menyertai forum tersebut berkata, pengurangan perbelanjaan operasi merupakan kaedah utama yang boleh dilaksanakan kerajaan untuk memastikan perbelanjaan untuk pembangunan tidak terabai.

"Pengurangan perbelanjaan operasi secara serius boleh diusahakan. Saya tidak mahu membuat spekulasi bagaimana ia per-

Perdana Menteri,
Datuk Seri Najib Tun Razak
merupakan Pengerusi Khazanah



Nilai Aset dilunaskan Khazanah sebanyak
RM150 bilion
sehingga 2015

**TNB,
Malaysia Airlines,
TM, CIMB & Axiata**
dikuasai Khazanah



Khazanah kuasai lebih
10 syarikat
terbesar Malaysia

lu dikurangkan kerana kerajaan mempunyai akauntan terlatih untuk menguruskan hal tersebut," katanya.

Semasa Bajet 2016, kerajaan memperuntukkan perbelanjaan RM265.2 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Mengikut pecahan, perbelanjaan mengurus menerima peruntukkan terbesar dengan emolumen seperti pembayaran gaji kakitangan awam merangkumi 26.6 peratus daripada perbelanjaan tersebut.